



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

*Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, 50782 Kuala Lumpur
Tel: 03-20944702; Fax: 03-20956523; Emel: pro@kpkt.gov.my.*

(25)KPKT/BPK/19/3/6 Klt. 37

23 Oktober 2009

Pengarang
Sinar Harian

Tuan/Puan,

Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 12 Oktober 2009
Muka surat : S22
Tajuk : Bila lagi rumah kami nak siap?

Merujuk kepada artikel dari akhbar Sinar Harian bertajuk “**Bila lagi rumah kami nak siap?**”, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengucapkan terima kasih kepada pihak Sinar Harian kerana mengenengahkan permasalahan ini.

Untuk pengetahuan pihak tuan, KPKT khususnya Jabatan Perumahan Negara telah meneliti laporan tersebut dan membuat semakan terhadap permasalahan yang dihadapi oleh pembeli-pembeli Taman Pinggiran Cyber yang dimajukan oleh Perspektif Perkasa Sdn Bhd yang juga merupakan anak syarikat kepada Talam Corporation Berhad.

Projek perumahan yang melibatkan dua fasa pembinaan iaitu Fasa 3D1 dan Fasa 3D2 dan pada ketika ini, hanya Fasa 3D1 yang melibatkan pembinaan 404 unit rumah (287 pembeli)

menampakkan kemajuan kerja-kerja pembinaan yang mencapai tahap 85%. Bagi Fasa 3D2 yang melibatkan pembinaan 453 unit rumah (14 pembeli), kerja-kerja pembinaan telah diberhentikan sejak tahun 2007 (hanya mencapai tahap 5%) dan wang kutipan ke atas 13 pembeli telah dipulangkan sepenuhnya (refunded).

Jabatan Perumahan Negara mendapati punca kelewatan projek ini adalah disebabkan pihak pemaju menghadapi masalah penarikan diri oleh kontraktor utama dan juga masalah kewangan pada tahun 2007. Sehubungan itu, Jabatan Perumahan Negara telah mengambil langkah bagi mengatasi masalah ini dengan melantik Syarikat In-Project Resources untuk menggantikan kontraktor utama dan meneruskan kerja-kerja pembinaan.

Melalui pemantauan yang dibuat, didapati kerja-kerja pembinaan yang masih belum siap adalah melibatkan kerja-kerja menyiapkan kemudahan infrastruktur seperti pembinaan jalan, saluran kumbahan, saluran paip air luaran dan pemasangan kabel elektrik luaran. Walau bagaimanapun, pemaju memaklumkan bahawa kontraktor infrastruktur telah dilantik dan kerja-kerja di tapak sedang dijalankan. Pemaju juga turut memaklumkan bahawa kerja-kerja pembinaan TNB Substation dan saluran pembentungan adalah antara kerja-kerja infrastruktur yang telah siap. Pemaju menjangkakan penyerahan kunci kepada pembeli-pembeli akan dapat dibuat pada Disember 2009. Sehubungan itu, Jabatan Perumahan Negara akan terus memantau kemajuan kerja-kerja pembinaan bagi memastikan projek ini disiapkan sepertimana yang telah dijanjikan oleh pemaju.

**Dikeluarkan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**